

## **SEJARAH PEMBELAJARAN ILMU QIRAAT DI DARUL QURAN: SATU PEMERHATIAN** **HISTORY OF QIRAAT'S KNOWLEDGE LEARNING AT DARUL QURAN: AN OBSERVATION**

Muhammad Zaid bin Shamshul Kamar <sup>1</sup>, Mohamad Redha bin Mohamad <sup>2</sup>, Dr Muhammad Firdaus bin Abdul Manaf <sup>3</sup>

<sup>1</sup> Pensyarah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), muhammadzaid@kuis.edu.my. (Arial 8-pt)

<sup>2</sup> Pensyarah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), mohamadredha@kuis.edu.my.

<sup>3</sup> Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi Mara, Negeri Sembilan, dr.firdausmanaf@gmail.com.

\* Muhammad Zaid bin Shamshul Kamar (Arial 8-pt)

Artikel diterima: 27 Mac 2020

Selepas Pembetulan: 28 Mei 2020

Diterima untuk terbit: 8 Jun 2020

### **Abstrak**

Perkembangan ilmu Qiraat di Malaysia dilihat semakin pesat dari semasa ke semasa. Hal ini berlaku kerana kesedaran manusia pada hari ini berkenaan kepentingan pengetahuan ilmu Qiraat semakin baik. Penulisan ini adalah bertujuan untuk menyatakan perkembangan ilmu Qiraat khususnya di Darul Quran dan di Malaysia amnya. Di dalam penulisan ini turut dibincangkan perkembangan ilmu Qiraat dari aspek sejarah, pengiktirafan, penaiktarafan institusi, penambahbaikan serta cadangan memperkukuh pembelajaran ilmu Qiraat. Penulisan ini adalah bersifat kualitatif dan persejajaran pembacaan sejarah perkembangan ilmu Qiraat. Hasil kajian adalah untuk menjelaskan tentang perkembangan ilmu Qiraat pada hari ini serta cabaran dan kaedah menyelesaikannya secara efektif dan teratur. Oleh itu, pengajaran dan pengamalan ilmu Qiraat itu seharusnya dikekalkan demi memastikan kelestarian ilmu berkaitan al-Quran terpelihara.

### **Kata kunci**

Ilmu Qiraat, sejarah, perkembangan ilmu Qiraat

### **Abstract**

*The development of Qiraat knowledge in Malaysia is seen to be increasing from time to time. This is because today's human awareness of the importance of Qiraat knowledge is improving. This text is intended to express the development of Qiraat knowledge especially in Darul Quran and in Malaysia in general. This article also discusses the development of Qiraat knowledge in the areas of history, recognition, institutional upgrades, improvements and suggestions to strengthen Qiraat knowledge learning. It is a qualitative and scholarly reading of the historical development of the Qiraat. The results of this study are to explain the development of Qiraat knowledge today and the challenges and methods of solving it effectively and efficiently.*

Therefore, the teaching and practice of Qiraat knowledge should be maintained to ensure that the knowledge of Quranic knowledge is preserved.

### **Keywords**

knowledge, History, Development of Qiraat's knowledge

---

## **1.0 Pengenalan**

Al-Quran merupakan satu petunjuk dari Allah s.w.t. kepada umat manusia yang terkandung di dalamnya petunjuk dan pengisian komprehensif sekaligus membantu kelancaran dan kebaikan kehidupan manusia di dunia dan di akhirat. Al-Quran merupakan kitab samawi yang unik yang mana kandungan maknanya bersumberkan dari kalam Allah s.w.t. serta dijamin terpelihara sepanjang zaman. Di dalam al-Quran, turut terdapat pelbagai ilmu yang perlu digali oleh manusia untuk kelangsungan hidup. Antara ilmu dari al-Quran yang sangat penting kepada masyarakat manusia adalah ilmu Qiraat.

Dunia hari ini memperlihatkan perkembangan ilmu Qiraat yang semakin meluas. Di Malaysia, ilmu Qiraat senantiasa diberi perhatian pada komuniti yang cenderung untuk mendalaminya seperti dalam bidang Tahfiz al-Quran, bidang penafsiran al-Quran, bidang Hadith dan bidang Fiqh (Sakinah Saptu & Sobri Mohamad 2011). Selain itu, institusi-institusi, pusat-pusat dan maahad-maahad Tahfiz yang diasaskan tidak kira secara swasta mahupun di bawah bantuan kerajaan pusat atau negeri turut melahirkan graduan Tahfiz yang menguasai dan berketrampilan dalam bidang Qiraat saban tahun.

### **1.1 Definisi Ilmu Qiraat**

Dari segi bahasa, al-Qiraat adalah kata *jama'* (banyak) bagi perkataan *qira'ah* yang merupakan masdar atau kata nama terbitan serta membawa maksud bacaan (Mu'jam al-Arabi al-Asasiy 1988). Al-Fayruz Abadi (1998) menambah bahawa Qiraat adalah kata *jama'* bagi perkataan *qiraah* yang membawa maksud bacaan. *Qara'a* adalah kata terbitan bagi kata kerja perbuatan yang lepas dan masa sekarang iaitu *yaqra'u*.

Dari sudut istilah pula, Imam al-Jazari (1999) menyatakan bahawa Qiraat merupakan suatu ilmu yang membincangkan tentang tatacara pembacaan atau kaedah menyebut kalimah di dalam al-Quran. Perbezaan yang terdapat pada kaedah sebutan tersebut pula disandarkan kepada para ulama yang menaqalkannya (imam-imam Qiraat). Selain itu, Muhammad Salim Muhaisin (1998) menyatakan bahawa Qiraat adalah satu daripada ilmu-ilmu yang membincangkan tentang cara menyebut satu-satu kalimah al-Quran yang mempunyai kepelbagaian dan disandarkan kepada periwayatannya.

Dapat difahami bahawa Qiraat mempunyai kepelbagaian definisi mengikut keilmuan para ulama. Oleh itu, penulis menyimpulkan bahawa Qiraat adalah satu kalimah dari bahasa Arab yang merujuk kepada kaedah pembacaan al-Quran yang mempunyai

perbezaan yang mana pembacaan tersebut diriwayatkan daripada periwayat-periwayat Qiraat.

## 2.0 Perkembangan Ilmu Qiraat

Ilmu Qiraat adalah antara ilmu yang masih dianggap baru berkembang di Malaysia. Pada awal kemunculannya, masyarakat menyangkakan bahawa bacaan al-Quran hanyalah dari satu wajah atau jenis bacaan yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad s.a.w. (Intan Dahlia 2011). Perkara ini masih berlaku sehingga pada hari ini kerana masyarakat Malaysia dilihat masih belum mendapat pendedahan secara menyeluruh berkaitan ilmu Qiraat (Nazir Kadir 2016, Sedek 2008). Melihat dari sudut yang lain, ilmu Qiraat telah diperkenalkan dan diamalkan di Malaysia seiringan dakwah yang disampaikan ketika permulaan penyebaran Islam di nusantara.

Cadangan penubuhan institusi al-Quran yang pertama telah dilontarkan oleh Perdana Menteri Malaysia yang pertama iaitu Tuanku Abdul Rahman Putera al-Haj pada 1966. Perkara ini dikeutarakan oleh beliau ketika Masjid Negara dirasmikan mengambil sebab daripada pengajuran Musabaqah Tilawah al-Quran peringkat Antarabangsa sejak 1960 serta lawatan Rektor Universiti al-Azhar ketika itu, Sheikh Mahmud Syaltut yang turut dijemput untuk menghadiri perasmian Masjid Negara. Permulaan penubuhan Maahad Tahfiz adalah di bawah Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS) Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur (Noor Hisham et. all 2014, Munirah et.all 2015). Pada ketika itu, kuantiti pelajar seramai 8 orang yang dipilih serta menjadi wakil negeri masing-masing dan pengetua yang pertama adalah Sheikh Mohd Noor. Mereka mempelajari bidang Tahfiz al-Quran di Dewan Syarahan Masjid Negara bermula pada Tarikh 1 Mac 1966.

Bertitik-tolak pada tahun 1966 sehingga 1978, pengajian ini diletakkan di bawah kelolaan Jawatankuasa Tadbir Masjid Negara dan Urusetia Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Menurut Munirah et.all (2015), pada tahun 1972, pengajian ini diberikan nafas baru dengan pertukaran nama kepada Maahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat dan diletak di bawah kelolaan Pusat Penyelidikan Islam, Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS) sehingga tahun 1980. Kemudian Maahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat dipindah ke Bangunan JKR di Kuala Lumpur dan diletak di bawah Institut Dakwah dan Latihan Islam (INDAH) sehingga 1983. Setelah itu, pada 1984, Maahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat mempunyai organisasinya sendiri.

Setelah beberapa kali berpindah tempat dan organisasi, akhirnya pada 1 November 1998 kerajaan negeri Selangor bersetuju untuk menempatkan Maahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat ini di kampus tetap di Kompleks Darul Quran di Ampang Pecah Kuala Kubu Bharu, Selangor dan dijenamakan sebagai Darul Quran. Kampus tersebut pada hari ini mampu menampung pelajar seramai 1000 orang pada satu-satu waktu serta mempunyai kemudahan yang baik untuk digunakan oleh pelajar dan kakitangan Darul Quran.

### 2.1 Pengiktirafan Sijil Diploma Tahfiz

Sijil Tahfiz al-Quran mula-mula diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam sebagai Diploma pada tahun 1983. Kuantiti mata pelajaran telah ditambah dengan matapelajaran Qiraat menjadi 2 jam seminggu pengajiannya serta matapelajaran wajib yang lain seperti Fawasil, Rasm, hafazan Matan dan lain-lain. Perkembangan yang baik ini turut membantu penambahan jumlah kemasukan pelajar dengan pengambilan pelajar pada setiap tahun berbanding 3 tahun sekali sebelum itu.

Intan Dahlia (2011) menyatakan, perkembangan ilmu Qiraat menjadi semakin kukuh bermula tahun 1999 dengan Program Diploma Tahfiz al-Quran wal Qiraat menukar menjadi sistem semester berbanding sistem penggal seperti yang diamalkan sebelumnya. Perkara ini penting supaya para pelajar tidak ketinggalan mengikuti arus perkembangan pengajian seperti yang diamalkan di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Selain itu, semakan semula dari aspek kurikulum dilakukan bagi meningkatkan tahap kualiti pengajaran dan pembelajaran yang sedia ada.

Aspek kurikulum Qiraat seterusnya dimantapkan lagi dengan penyusunan dan penambahan mata pelajaran mengikut sukatan Maahad Qiraat Shoubra. Antaranya, mata pelajaran Qiraat Ilmi dan Amali menjadi 4 jam seminggu, diikuti mata pelajaran Tahfiz al-Quran (hafazan). Selain itu, penambahbaikan matapelajaran turut dilakukan dengan penambahan matapelajaran seperti Tarikh Mushaf, Dhabt dan Tarikh Qurra' dan pengejalan matapelajaran sedia ada.

## 2.2 Penambahbaikan Pembelajaran Ilmu Qiraat

Pada tahun 1983, pembelajaran ilmu Qiraat dilihat semakin berkembang. Kemasukkan pelajar bermula pada tahun tersebut diambil setiap tahun dan pengiktirafan sijil tahfiz sebagai Diploma membantu lagi perkembangan ini. Peningkatan populariti bidang ini mula tersebar sehingga ke negeri-negeri selain Selangor apabila banyak negeri dilihat menubuhkan Maahad Tahfiz al-Quran serta mengambil kurikulum JAKIM sebagai asas. Hafiz et.al (2010) menyatakan pada tahun 1986, negeri Johor menjadi negeri kedua selepas Selangor yang mempunyai maahad Tahfiz sendiri.

Perkembangan ilmu Qiraat di Darul Quran menjadi semakin rancak dengan pengambilan siswa pertama dari kalangan perempuan pada tahun 1990. Selepas itu, pada tahun 1996 semua negeri kecuali Sarawak menyertai program bersama Darul Quran dan JAKIM. Perkara ini sekaligus membantu mengembangkan ilmu Qiraat secara lebih khusus dan efektif di seluruh negeri di Malaysia.

Selain itu, perkembangan ilmu Qiraat ini dapat dilihat dengan penambahan pelajar yang semakin ramai memohon. Pada tahun 1980-an, pengambilan pelajar adalah terhad pada 20 orang sahaja dan kemudian ditambah sehingga 40 orang pada 1990-an. Hal ini berlarutan sehingga kompleks Darul Quran di Kuala Kubu Bharu siap dan mampu menampung pengambilan sehingga 100 orang pada satu waktu. Fasa dua yang disiapkan pada tahun 2003 membantu Darul Quran mengambil sekitar 200 hingga 230 orang pelajar setahun sehingga pada hari ini. Selain itu, kerajaan turut

membantu pelajar dengan memberi elaun bulanan merangkumi elaun makan dan sara hidup.

### 2.3 Perkembangan Program Diploma Darul Quran

Terdapat 5 Syukbah yang berjalan di Darul Quran pada hari ini. Setiap Syukbah tersebut diwajibkan mempelajari asas ilmu Qiraat secara teori pada semester pertama dan praktikal pada semester berikutnya. Ia meliputi :

- i. Diploma Tahfiz al-Quran Syukbah Dakwah
- ii. Diploma Tahfiz al-Quran Syukbah Hadith
- iii. Diploma Tahfiz al-Quran Syukbah Syariah
- iv. Diploma Tahfiz al-Quran Syukbah Muamalat
- v. Diploma Tahfiz al-Quran Syukbah Qiraat

### 3.0 Keperluan Mata Pelajaran Qiraat Di Institusi Pengajian Tinggi

Mata pelajaran yang berkait dengan ilmu Qiraat seperti Qiraat Amali, Qiraat Matan, Tarikh Qurra', Dhahb, Fawasil, Usul Qiraat, Rasm Qiraat Syazah, Asas Taranum, Taujih Qiraat dan sebagainya adalah diajar secara khusus kepada pelajar-pelajar jurusan Tahfiz al-Quran dan Qiraat. Bidang Qiraat juga dilihat sebagai satu bidang yang mempunyai kaitan dengan bidang lain seperti Tafsir, Bahasa Arab, Usul Fiqh dan lain-lain. Walaupun begitu, mata pelajaran yang berkait dengan ilmu Qiraat tersebut masih dilihat sebagai pelajaran eksklusif kepada bakal graduan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat. Oleh itu, terdapat pelbagai usaha untuk mengembangkan pelajaran ini antaranya dengan penganjuran seminar berkaitan ilmu Qiraat, Qiraat sebagai mata pelajaran pilihan di universiti, kelas bimbingan Qiraat dan sebagainya.

Menurut Intan Dahlia (2010), keberkaitan ilmu Qiraat terhadap bidang lain secara tidak langsung mampu menarik minat pembantang kertas kerja terutama di peringkat global untuk turut serta. Contohnya, pada tahun 2010 Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA) telah menganjurkan sebuah seminar antarabangsa berkenaan ilmu Qiraat. Sebanyak 62 kertas kerja dilaporkan telah dibentangkan pada seminar tersebut. Antara tema yang diusulkan dan mempunyai hubungan yang kukuh dengan ilmu Qiraat adalah seperti :

- i. Pengaruh Ilmu Qiraat kepada Bahasa Arab
- ii. Ilmu Qiraat dan penafsiran al-Quran
- iii. Ilmu Qiraat dan Fiqh
- iv. Sejarah Ilmu Qiraat

Setengah institusi pengajian tinggi awam mahupun swasta turut menawarkan kos yang berkait dengan ilmu Qiraat. Sebagai contoh, Pelajar Sarjana Muda Ilmu Wahyu

dan Warisan Islam di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) diberi pilihan untuk mengambil matapelajaran Qiraat al-Quran. Selain itu, di peringkat kedoktoran dan sarjana, pelajar ditawarkan juga matapelajaran seperti *Al-Dirasat Al-Nahwiyyah Li Al-Qiraat Al-Quraniyyah* (Analisis Sintaksis dalam Qiraat Al-Quran) dan *Al-Qiraat Al-Quraniyyah Wa Al-Lughawiyat Al-Hadithah* (Qiraat Al-Quran dan Linguistik Moden).

Selain itu, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) turut menawarkan mata pelajaran berkaitan ilmu Qiraat seperti Qiraat dalam Perundangan Islam. Mata pelajaran ini secara tidak langsung memberi pendedahan kepada para pelajar tentang kepelbagaian variasi ilmu Qiraat serta kesannya kepada ulama dalam menghasilkan kaedah mengistinbat hukum syara'. Mata pelajaran ini juga turut membantu pelajar mengenalpasti contoh khilaf Qiraat yang memberi kesan terhadap hukum Fiqh dalam perbahasan kita-kitan tafsir yang terkenal seperti *Ahkam al-Quran* karangan al-Jasas, *Ruh al-Ma'ni* karya al-Alusi dan kitab karangan Imam Qurtubi, *Al-Jami' Li Ahkam Al-Quran*.

Selain itu, terdapat juga mata pelajaran yang mengajarkan berkenaan dialek dan Qiraat atau *Al-Lahajat wa Al-Qiraat* di beberapa Institusi Pengajian Tinggi. Matapelajaran ini mendedahkan berkenaan aspek sejarah dan asal sebutan serta berkait rapat dengan geografi. Ini kerana kaedah sebutan dipengaruhi oleh sesuatu kawasan seperti kecenderungan untuk menyebut *tahqiq* mahupun *tashil*. Sebagai contoh, seorang pakar linguistik Bahasa Arab dari Universiti Alexandria, Dr. 'Abduh Al-Rajih (1996), menyatakan bahawa penduduk Arab Badwi yang hidup dan menetap di kawasan tengah dan timur Semenanjung Arab seperti kabilah Tamim, Qais dan Bani Asad lebih cenderung untuk menekankan kaedah bacaan *tahqiq* pada huruf bahasa Arab dengan lebih jelas dan nyata berbanding dengan penduduk yang berada di kawasan Hijaz atau Mekah yang lebih cenderung untuk memudahkan sedikit sebutan beberapa huruf dalam Bahasa Arab. Ini berlaku dalam *Tahqiq Al-Hamz atau Tashil Al-Hamz*

### 3.1 Cabaran Dan Cadangan Memperkukuh Pembelajaran Ilmu Qiraat

Dalam mendalami satu-satu disiplin ilmu, setiap individu lazimnya menghadapi cabaran untuk menguasainya. Perkaranya ini dilihat turut terjadi pada peringkat awal dalam mempelajari ilmu Qiraat. Menurut Hafiz Salleh et.al (2010), antara cabaran dan cadangan memperkukuh pembelajaran ilmu Qiraat adalah seperti berikut:

#### i. Penguasaan ilmu tajwid

Untuk menguasai satu-satu disiplin ilmu, pasti terdapat syarat khusus yang perlu dikuasai sebelum memulakan pelajaran bidang tersebut. Antara syarat untuk mempelajari ilmu Qiraat ialah memahami dan menguasai ilmu Tajwid dahulu. Hal ini disebabkan banyak istilah di dalam ilmu Qiraat menggunakan istilah di dalam ilmu Tajwid seperti penggunaan Mad Muttasil, Mad Munfasil, Mad Lin, Mad Aridh Lissukun, tashil, saktah dan sebagainya. Penguasaan bacaan al-Quran dalam qiraat

Hafs an 'Asim juga menjadi syarat mempelajari ilmu Qiraat. Perkara ini akan membantu pelajar membezakan khilaf yang berlaku di dalam ilmu Qiraat.

## ii. Penguasaan Matan al-Syatibiyah

Matan al-Syatibiyah atau Hirz al-Amani adalah himpunan bait syair bagi imam Qiraat Tujuh dan bertindak sebagai sumber utama dalam ilmu Qiraat. Matan ini perlu dipelajari dan dikuasai sekiranya mahu mempelajari ilmu Qiraat. Jarang berlaku pelajar menguasai ilmu Qiraat tanpa mempelajari Matan al-Syatibiyah kecuali ilmu asas dari ilmu Qiraat. Turut diakui bahawa pembelajaran untuk menguasai matan ini sukar dan memerlukan waktu yang lama sedangkan tempoh pembelajaran adalah singkat. Ini menjadi sebab pelajar mempelajari matan hanya untuk mendapat penjelasan umum berkenaan perbezaan bacaan qiraat.

## iii. Menghafal nama-nama imam beserta perawi dan *rumuz*

Mengingati nama-nama imam dan rawi mereka adalah asas dalam mempelajari ilmu Qiraat. Terdapat 21 nama dalam ilmu Qiraat Tujuh manakala 30 nama pada pembelajaran Qiraat Sepuluh. Kebanyakan nama tersebut adalah nama-nama yang jarang diguna oleh masyarakat Melayu sekaligus memberi cabaran dalam menghafalnya. Pelajar ilmu Qiraat disarankan menguasai pembacaan satu imam dan rawinya terlebih dahulu sebelum berpindah kepada imam lain. Hal ini membantu pelajar untuk tidak terkeliru dalam memahami khilaf yang wujud terutama ketika mempelajari bacaan secara jama'.

## iv. Penggunaan istilah yang jarang digunakan

Ilmu Qiraat mempunyai beberapa istilah yang hanya dipakai di dalam pembelajaran disiplin ilmu ini sahaja. Sekiranya wujud persamaan nama istilah dalam disiplin ilmu lain, kemungkinan membawa maksud yang berbeza dari ilmu Qiraat. Antara penggunaan istilah tersebut ialah sanad, thariq, taghliiz, idgham kabir, tashil, silah mim, ibdal, qasr, tawassut, ishba', tarqiq, naqal dan sebagainya. Oleh yang demikian, istilah-istilah tersebut seharusnya dihafal dan dikuasai untuk membantu membezakan khilaf di dalam ilmu Qiraat.

## v. Perbezaan bacaan yang sukar untuk disebut

Ilmu Qiraat adalah berkaitan dengan penguasaan teori dan praktikal. Penguasaan teori oleh pelajar tidak memastikan sektor praktikalnya turut dikuasai. Hal ini kerana pembelajaran ilmu Qiraat tidak mampu dikuasai jika sekadar mempelajari dan menguasai teori sahaja bahkan perlu selari dengan penguasaan dari aspek praktikal. Contohnya penggunaan yang tepat bagi kaedah bacaan *tarqiq ra'*, *tashil*, *naqal*, *ikhhtilas* dan sebagainya memerlukan metod *talaqqi* bersama guru untuk menguasainya. Oleh itu, pelajar disaran agar berlatih secara kerap untuk menyebut



bacaan-bacaan tersebut seterusnya memperdengarkan bacaan tersebut kepada guru untuk mendapatkan kepastian.

#### vi. Kurang minat

Kekurangan minat pada diri pelajar adalah perkara yang sering berlaku. Perkara ini terjadi kerana kewujudan pemikiran bahawa ilmu Qiraat tidak berkait dengan kehidupan seharian seperti ilmu Fiqh dan Tauhid. Pemikiran ini perlu dibetulkan semula kerana pembacaan al-Quran adalah berkait secara langsung dengan bidang Qiraat samada di luar solat mahupun di dalam solat. Ilmu Qiraat juga mempunyai kaitan yang kuat di dalam ilmu Fiqh pelbagai mazhab, ilmu penafsiran al-Quran yang membawa kepada kewujudan pembezaan tafsir dan sebagainya. Oleh itu, pelajar disaran untuk merujuk kitab Qiraat dan tafsir yang menjelaskan perubahan makna di dalam satu-satu kalimah dan mendengar bacaan Qiraat yang berbeza seperti bacaan Imam Warsh, Imam Hamzah, Imam Kisaei dan sebagainya. Perkara ini sekaligus dilihat mampu membantu pelajar untuk memupuk minat mempelajari ilmu Qiraat dengan serius dan mendalam.

#### 4.0 Kesimpulan

Penulisan ini dilakukan untuk melihat perkembangan ilmu Qiraat secara khususnya di Darul Quran dan umumnya di Malaysia. Penulis mendapati bahawa ilmu Qiraat itu secara rasmi bermula pada tahun 1966 selepas diberi cadangan oleh Perdana Menteri Malaysia, Tuanku Abdul Rahman dan beroperasi di Masjid Negara. Penerimaan pelajar untuk bidang Qiraat ini dilihat semakin meningkat saban tahun sehingga ke hari ini.

Seterusnya, penulis juga mendapati bahawa peningkatan jumlah pelajar saban tahun memberi inspirasi kepada pihak-pihak berautoriti untuk membangun dan memperkukuh pembelajaran ilmu Qiraat. Antara lain, pengiktirafan sijil pembelajaran Qiraat, penaiktarafan institusi Darul Quran sebagai institusi pertama khusus untuk pengajian al-Quran dan penambahbaikan pembelajaran Qiraat khususnya pada peringkat pengajian tinggi terus diperkukuhkan. Selain itu, terdapat juga cadangan untuk meringankan cabaran yang sedia ada dalam proses pembelajaran Qiraat.

Akhirnya, pembelajaran ilmu Qiraat ini dilihat boleh diletak sebagai benteng akhir dalam usaha untuk menjaga kesucian dan ketulenan al-Quran daripada sebarang anasir yang setiap hari dilihat semakin banyak usaha untuk menjatuhkan kesucian al-Quran itu.



## Rujukan

- Abduh al-Rajih. (1996). *Al-Lahajat Al-'Arabiyyah Fi Al-Qiraat Al-Quraniyyah*, Beirut
- al-Fayruz Abadi. (1998). *Qara'a dalam al-Qamus al-Muhit*. Beirut: Muassasah al-Risalah
- Ibn al-Jazari & Shams al-Din Abi al-Khayr Muhammad. (1999). *Munjid al-Muqri'in*. Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah
- Muhammad Hafiz bin Saleh, Abu Muhaimin Ahmad & Norazman Alias. (2010). *Keberkesanan Mempelajari Ilmu Qiraat: Antara Harapan, Cabaran dan Penyelesaian Masalah*. Tesis Sarjana Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- Muhammad Salim Muhaisin. (1998). *Al-Qiraat wa Atharuha fi Ulum al-Arabiyyah*. Bayrut: Dar al-Jayl
- Mohd Nazir Kadir. (2016). *Analisis Perbezaan Qiraat Dalam Riwayat Hafs Dan Syu'bah Terhadap Ayat-Ayat Hukum*. Tesis Sarjana Universiti Teknologi Malaysia
- Muriyah Abdullah, Abdul Hafiz Abdullah & Arief Salleh Rosman. (2015). *Pendidikan Tahfiz di Malaysia: Satu Sorotan Sejarah*. International Conference on Islamic Education and Social Entrepreneurship di Resort World Langkawi, Tanjung Malai, Langkawi pada 12-14 Oktober 2015
- Noor Hisham Md Nawi, Nur Azuki Yusuff, Mohd Bunyamin Che Yaacob & Nasrul Hakim. (2014). *Matlamat dan Hala Tuju Sistem Pengajian Tahfiz di Kelantan; Satu Pengamatan Awal*. 4th International Conference and Exhibition on Islamic Education di Hotel Perdana, Kota Bharu, Kelantan pada 31 Mei - 2 Jun 2014
- Sakinah Saptu & Sobri Mohamad (2011), Pengajian Qiraat di Darul Quran Singapura (DQS): Satu Tinjauan Awal (Slide), Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Pendidikan dan Penyelidikan Qiraat 2010, 25-26 Disember 2011, Dewan Teater, Pusat Konvensyen Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
- Sedek bin Ariffin. (2008). *Kaedah bacaan Qira'at Hamzah: Kajian di Darul Quran Kuala Kubu Bharu Selangor*, Tesis Sarjana Usuluddin, Universiti Malaya
- Siti Intan Dahlia Mohammad Harun. (2011). *Perkembangan Ilmu Qiraat Di Malaysia Dan Keperluannya Di Institusi Pengajian Tinggi*. JAKIM: Seminar Qiraat Peringkat Kebangsaan
- <http://www.iium.edu.my/irkhs/programmes/postgraduate/doctoral/phd-arabic-linguisticstudies>